

AZAB 10 MINIT DITOREH SUAMI

Metro 3/12/13 MS 4.

FOTO: DZULKEFLI MUSTAPHA

■ Wanita
terima
80 jahitan
selepas
minta cerai

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediapri-
ma.com.my
Seremban

"Hanya Allah mengetahui kesakitan yang saya alami ketika suami mengelar pipi, dahi, bibir dan tangan saya dengan pisau lipat," kata Nor Hafazalina Mohd, 30, yang menerima 80 jahitan akibat tindakan kejam suaminya itu.

Menurutnya, kejadian berlaku jam 5 petang Jumaat lalu di rumah mereka di Ampangan, di sini, selepas dia minta diceraikan kerana tidak tahan dengan sikap lelaki itu yang tidak bertanggungjawab dan kerap keluar masuk penjara.

Nor Hafazalina berkata, suaminya yang berusia 30-an seperti naik hantu apabila mengelar muka dan tangannya lebih 18 kali



**"Suami
mengelar muka
dengan pisau lipat
tanpa peduli
rayuan dan
jeritan saya"**

Nor Hafazalina

berang dengan permintaannya meminta cerai, dia ditolak dari belakang dan kepalanya dipukul suami menggunakan objek keras hingga jatuh tertiarap di atas katil sebelum lelaki itu melompat ke atas belakang badannya.

biarpun dia meraug kesakitan dan merayu agar dikasihani.

“Puas saya merayu supaya dia menghentikan perbuatan itu, namun dia bagaikan naik hantu apabila tangan kanan menoreh muka manakala tangan kirinya menarik rambut saya,” kata ibu kepada dua anak lelaki itu yang ditemui di wad sebuah hospital, di sini, semalam.

Menurutnya, dia meminta cerai daripada suaminya yang dikahwini hampir 10 tahun lalu selepas berasa seperti digantung tidak bertali dan terpaksa menumpang di rumah ibunya di Ampangan, di sini.

“Suami baru keluar penjara dua bulan lalu dan mencari saya sehingga ke Shah Alam, Selangor. Ketika itu saya bekerja di sebuah kilang,” katanya.

“Sejak itu, suami datang merayu supaya kami berbaik semula dengan menyatakan masih menyayangi saya,” katanya.

Menurutnya, akibat kerap diganggu di tempat kerja, majikannya di kilang itu memintanya menyelesaikan masalah dihadapi se-

belum dia mengambil keputusan berhenti kerja.

“Saya pulang ke sini dan menumpangkan suami di rumah berikutan dia dibuang keluarga sendiri kerana kerap masuk dan keluar penjara,” katanya.

Nor Hafazalina berkata, ketika kejadian, dua anak lelakinya berusia lapan dan 10 tahun tiada di rumah kerana mengikut ibunya ke rumah kakak di Seremban.

“Ketika itu, saya hanya berdua dengan suami dan mahu berbincang mengenai hala tuju hubungan kami.

“Saya memberitahunya tidak tahan dengan sikapnya yang kerap melakukan jenayah dan tidak mempedulikan keluarga.

“Suami meninggalkan saya beberapa minggu sebelum kelahiran anak kedua. Kemudian dia muncul semula dua tahun lalu dan sejak itu sering bertindak ganas.

“Saya difahamkan ketika menghilangkan diri, dia banyak kali dipenjarakan,” katanya.

Anak bongsu daripada dua beradik itu berkata,

“Suami kemudian mengelar muka saya dengan pisau lipat tanpa memedulikan rayuan dan jeritan saya.

“Selepas 10 minit diseksa, suami berlari keluar dari rumah meninggalkan saya yang berlumuran darah seorang diri.

“Saya kemudian merangkak ke ruang tamu sebelum beberapa jiran yang mendengar pergaduhan itu datang dan membawa saya ke hospital,” katanya.

Ibu mangsa, Juriah Hashim berkata, selepas kejadian itu, menantunya ada menghubunginya jam 8 malam pada hari sama dan mengugut supaya berhati-hati.

“Dia menyatakan ‘anak kau dah dapat, kau tunggu masa, aku hantar orang buat kau’ menyebabkan saya terkejut dan meminta dia menyerah diri,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Seremban Superintendan Baharuddin Mustapa yang dihubungi mengesahkan menerima laporan kejadian itu dan berkata, usaha mengesan suspek dijalankan.